

Headline	<b>Program jarak jauh ambil pelajar asing</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>09. May 2008</b>	Page No	<b>B12</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Article Size	<b>128 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Sentral</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>217920</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2083000</b>		



## Program jarak jauh ambil pelajar asing

**M**ELAKA: Kolej Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) di Melaka Mall, Ayer Keroh dekat sini sedia mengambil lebih ramai pelajar asing untuk mengikuti pengajian di peringkat ijazah termasuk menerusi program pengajian jarak jauh (PJJ) yang akan dipertingkatkan tidak lama lagi.

Presiden DMDI yang juga Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam (**gambar**), berkata pihak kolej kini sedang menunggu kelulusan daripada Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi membolehkan pelajar asing mendaftar dan memulakan pengajian di kolej berkenaan.

Beliau yang juga Pengurus Kolej DMDI berkata, setakat ini permohonan mengambil pelajar asing itu sudah dikemukakan dan kini masih menunggu jawapan.



"Sebaik saja mendapat kelulusan, kita akan membuka peluang kepada pelajar asing terutama di kalangan negara yang menganggotai DMDI termasuk dari Sri Lanka, Indonesia, Thailand, Kemboja, Filipina dan Singapura melanjutkan pelajaran di DMDI."

"Setakat ini DMDI mempunyai 144 pelajar tempatan yang mengikuti program dalam pelbagai bidang dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM). Saya berharap ia akan mendapat kelulusan segera," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mendengar taklimat mengenai perjalanan Kolej DMDI yang disampaikan Rektornya, Norbi Husin di kolej itu, di sini.

Kolej DMDI kini menawarkan pengajian di peringkat sijil, diploma dan ijazah pertama.

Mohd Ali berkata, selain itu program yang sama boleh ditawarkan kepada belia yang berminat untuk melanjutkan pelajaran mereka di peringkat ijazah.

"Ini secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada belia memiliki ilmu dan sekali gus dapat memantapkan kerjaya mereka pada masa depan dengan memiliki ijazah," katanya.